

UMS terus usaha perkukuh kecemerlangan akademik dan pengiktirafan antarabangsa

UB 09.06.2023 P.02

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memperkuuhkan usaha dalam meningkatkan lagi kecemerlangan akademik dan pengiktirafan universiti di peringkat antarabangsa menerusi jaringan kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi luar negara.

Terbaru, UMS menerima kunjungan delegasi dari East China Normal University (ECNU), Shanghai, China sebagai satu inisiatif dalam meneroka kerjasama dua hala antara kedua-dua pihak.

Kunjungan delegasi yang diketuai oleh Naib Presiden East China Normal University, Profesor Zhou Ao Ying dan disertai oleh Presiden The Federation of Chinese Associations Malaysia (Huazong) dan The Federal of Chinese Associations Sabah (FCAS), Tan Sri Datuk Seri Panglima (Dr.) T.C Goh disambut oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor dalam satu sesi pertemuan yang berlangsung di Bangunan Canselor, UMS pagi tadi.

Turut serta dalam delegasi dari ECNU, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Confucius Institute, Prof. Zhou Yong; Profesor di School of International Studies, Prof. Zhang Jianmin; Profesor di School of Communication, Prof. Wu Zhiyong; dan Pegawai Bahagian Kerjasama dan Pertukaran Antarabangsa, Xu Cheng.

Menurut Kasim, UMS



METERAI: Kasim (duduk, kanan) menandatangani dokumen LoI bersama Zhou Ao Ying, sambil disaksikan Goh bersama delegasi dari ECNU dan pegawai-pegawai kanan UMS.

berhasrat untuk meneroka peluang kolaborasi bersama ECNU dalam bidang-bidang seperti Ketamadunan Cina, Sains Data, Komunikasi dan Pendidikan.

"Pihak universiti menjangkakan lebih ramai pelajar antarabangsa akan datang ke UMS untuk melanjutkan pengajian khususnya dalam program pascasiswazah, termasuk pelajar dari China dan Indonesia.

"Justeru, UMS melihat kolaborasi bersama ECNU adalah satu peluang bagi kedua-dua pihak untuk meningkatkan kecemerlangan akademik di universiti masing-masing, serta mengukuhkan nama universiti di peringkat antarabangsa sekali gus menarik lebih ramai pelajar luar negara untuk melanjutkan pengajian di sini," katanya.

Hasrat kerjasama tersebut turut dimeterai melalui satu acara menandatangani Surat Niat (LoI) antara kedua-dua pihak dalam sesi pertemuan tersebut.

Melalui LoI yang ditandatangani, kedua-dua universiti berhasrat untuk mengadakan kerjasama melalui pertukaran kakitangan akademik dan pelajar, kolaborasi dalam projek penyelidikan, penerbitan dan pengajaran, serta pengajuran aktiviti kurikulum berkaitan pembangunan pelajar seperti persidangan, kursus latihan jangka pendek, pembelajaran atas talian, program mobiliti, khidmat komuniti, dan sebagainya.

Dalam pada itu, T.C Goh dalam sesi pertemuan tersebut memaklumkan ECNU merupakan antara universiti yang ternama di Shanghai, China.

"UMS merupakan destinasi pilihan pertama ECNU untuk mengadakan kunjungan serta kerjasama selepas pembukaan semula sempadan negara pasca pandemik COVID-19.

"Justeru, pihak FCAS melihat kedua-dua universiti mempunyai potensi besar untuk mengadakan kerjasama bagi manfaat bersama," ujar beliau.

Hadir sama pada sesi kunjungan tersebut Dekan Fakulti Sains Sosial dan Keamanuaan, Prof. Madya Dr. Asmydy Idris; Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Prof. Dr. Lai Yew Meng; Pengarah Confucius Institute UMS, Prof. Ts. Dr. Chong Khim Phin; dan Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global, Prof. Madya Dr. Wardatul Akmmam Din.